## RTAS 1: Tatabahasa

*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai.**

1



Para pekerja itu sedang _______ daun teh di ladang teh yang sangat luas itu.

**A** memetik  **C** mengupas
**B** memulas  **D** membelah

2 Encik Hafi _______ keluarganya ke pesta durian.

**A** menjinjing  **C** mendukung
**B** membawa  **D** mengangkat

*Pilih* **kata-kata hikmat** *yang* **paling sesuai.**

1 Alif banyak membaca buku tentang ilmu keusahawanan sebelum dia memulakan perniagaan untuk meningkatkan pengetahuannya tentang selok-belok perniagaan.
Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan penyataan di atas?

**A** bersekutu bertambah mutu  **C** biar lambat asalkan selamat
**B** hidup ini suatu perlumbaan  **D** membaca jambatan ilmu

2 Lee telah berjanji untuk membantu ayahnya ke ladang teh. Oleh itu, dia bangun seawal pukul 7:00 pagi untuk memenuhi janjinya pada ayahnya.
Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan penyataan di atas?

**A** bertangguh itu pencuri masa  **C** kata dikotakan
**B** otak cerdas, badan sihat  **D** masa itu emas

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat* **satu kesalahan bahasa**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Isi kelapa itu Puan Dinda masukkan ke dalam mesin pengisar.

_______________________________________________

(ii) Ayuni, Anas, dan William melawat di tapak semaian milik Encik Laiman.

_______________________________________________

**Ingat**

**Kata Kerja**

- Objek dalam kata kerja transitif mesti diletakkan selepas kata kerja.
- Contoh:

| | |
|---|---|
| ✗ | Mereka akan **menyelesaikan tentang tugasan** itu dengan segeranya. |
| ✓ | Mereka akan **menyelesaikan tugasan** itu dengan segeranya. |

**Kata-kata Hikmat**

- Kata-kata hikmat ialah ungkapan ringkas yang penuh makna dan kebijaksanaan untuk dijadikan pedoman atau motivasi dalam kehidupan.
- Contoh:
  – membaca jambatan ilmu, kata dikotakan, masa itu emas
- Kata sendi nama 'di' digunakan untuk menunjukkan tempat sahaja manakala kata sendi nama 'ke' digunakan untuk menunjukkan tempat atau arah yang dituju.



LIVEWORKSHEETS